

20 APR 1998

Taib-Umno

KEMASUKAN UMNO KE SARAWAK TIDAK DAPAT DIELAKKAN, KATA TAIB

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Kemasukan Umno ke Sarawak tidak dapat dielakkan tetapi ia perlu menunggu sehingga rakyat negeri itu bersedia, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

"Jika rakyat berasa yang kita seharusnya menjadi sebahagian daripada parti politik yang lebih besar, maka kita bolehlah mempunyai Umno," kata beliau dalam wawancara yang dimuatkan dalam terbitan sulung "New Reality", majalah yang pertama pernah diterbitkan oleh Sarawak, dan akan dilancarkan oleh Taib di Kuching esok.

Apabila ditanya sama ada terdapat kemungkinan yang Umno akan masuk ke Sarawak, Taib berkata: "Sememangnya ada. Hanya soal masa sahaja. Politik adalah sesuatu yang berlaku hasil daripada hasrat rakyat di peringkat bawah, bukan peringkat atas sahaja."

Tentang soal masa, Taib berkata kini belum lagi masanya.

Sarawak merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang belum dimasuki Umno, parti terbesar dalam gabungan Barisan Nasional yang memerintah.

"Saya rasa masanya akan tiba. Rakyat akan berasa (bahawa kita seharusnya menjadi sebahagian daripada parti yang lebih besar) sebaik sahaja mereka mula berasa bahawa tidak menjadi soal lagi sama ada mereka Iban, Bidayuh atau Orang Ulu dan bahawa mereka tidak semestinya menjadi Melayu untuk menyertai Umno," kata Taib.

Beliau berkata masanya akan tiba apabila rakyat di Sarawak tidak lagi perlu berjuang dengan begitu bersungguh-sungguh untuk negeri itu kerana kedudukan mereka sudah sama tarafnya dengan negeri-negeri yang lebih maju seperti Selangor dan Johor.

"Apabila struktur ekonomi kita sudah hampir-hampir sama dan apabila dasar-dasar yang diumumkan di Kuala Lumpur tidak perlu lagi dipinda sebelum dilaksanakan di Sarawak, itulah masanya rakyat di Sarawak tidak perlu lagi mempunyai parti peringkat negeri.

"Tetapi hari ini belum ada lagi yang mempunyai pandangan seperti itu. Saya ingin mereka berpandangan begitu," kata beliau.

Taib berkata pada kali terakhir beliau bercakap dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu itu, beliau telah memberitahu Perdana Menteri bahawa Sarawak mungkin memerlukan masa 10 tahun lagi untuk melihat rakyat faham, dan dengan itu mempunyai pandangan yang lebih baik.

Beliau berkata untuk mewujudkan percantuman atau penyerapan ke dalam Umno, beliau yakin para pemimpin Umno dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang dipimpinnya, tidak ingin melihat PBB menjadi semakin lemah selepas percantuman itu.

Dalam wawancara itu, Taib menghuraikan masalah yang menghalang kemasukan Umno ke negeri itu.

Jika hendak diadakan percantuman dengan Umno, ia tidak seharusnya melibatkan PBB sahaja kerana ia akan bermakna mendapatkan penyertaan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan mungkin juga Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) ke dalam Umno.

Pada masa itu nanti akan wujud juga persoalan nasib Parti Rakyat Sarawak Bersatu (SUPP), rakan kedua terbesar dalam kerajaan campuran selepas PBB.

"Apa akan jadi kepada SUPP ketika itu nanti?. Kita tidak boleh membiarkan SUPP untuk terus berfungsi sebagai parti peringkat negeri sedangkan PBB menjadi sebahagian daripada parti peringkat kebangsaan," katanya.

Beliau menghujah bahawa dengan adanya keadaan sedemikian, SUPP perlu diberikan masa untuk melihat sama ada boleh atau tidak baginya menjadi sebahagian daripada parti bagi rakyat keturunan Cina peringkat kebangsaan.

"Pada masa itu barulah kita akan mempunyai parti peringkat kebangsaan yang bergiat di Sarawak. Tanpanya kita akan mendengar orang bercakap tentang politik negeri dan politik nasional. Ini tidak sihat," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata mereka yang sekarang mahu membawa masuk Umno ke Sarawak bukanlah pemimpin Umno sendiri, tetapi mereka yang disifatkannya sebagai ahli politik yang sudah ditolak atau yang sudah melampaui zamannya.

"Orang-orang ini malah mencetak borang permohonan keanggotaan Umno dan sudah cuba mengedarkannya sendiri. Mereka memberitahu orang ramai, dengan pelbagai helah, tentang sebab-sebab mengapa mereka patut memohon.

"Selepas ini mereka akan memberitahu pemimpin Umno di Kuala Lumpur: Oh ya, kami mempunyai beribu-ribu permohonan. Oleh itu Umno seharusnya datang ke Sarawak," kata beliau.

-- BERNAMA

AU NMO